

Takaful

e-CancerCare Takaful

**Kami akan tetap membuat anda
tersenyum dengan bayaran tunai
untuk memerangi kanser**



*Bukan sahaja Takaful,
Etika Takaful*

eTiqa

Takaful Keluarga

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etika Family Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). | Ahli PIDM

Kanser boleh memusnahkan impian anda dan menyebabkan kesan negatif seperti tekanan emosi dan masalah kewangan. Pelan e-CancerCare Takaful dari Etiqa akan membantu meringankan beban untuk kos rawatan kanser, supaya anda boleh memberikan tumpuan untuk melawan penyakit ini dengan tawaran Fast & Easy kami:



Bayaran tunai awal

Bayaran tunai sebanyak 30% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar terus kepada anda untuk manfaat kanser peringkat awal, termasuk karsinoma in situ.



Bayaran tunai sekaligus

Bayaran sekaligus sebanyak 150% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar terus kepada anda apabila didiagnosis menghidap kanser peringkat akhir.



Kelulusan serta-merta

Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan. Anda perlu menjawab satu soalan berkaitan kesihatan untuk perlindungan serta-merta.



Berpatutan

Dapatkan perlindungan kanser yang menyeluruh dari serendah 21 sen sehari.


Nota: Manfaat utama di atas tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat.

Ilustrasi Manfaat



Salma

Semasa berumur 25 tahun, Salma menyertai pelan e-CancerCare Takaful dari Etiqa dengan tempoh perlindungan selama 20 tahun. Malangnya, beliau telah didiagnosis menghidap kanser payudara peringkat awal (karsinoma in situ) semasa beliau berumur 30 tahun. Dengan pelan e-CancerCare Takaful, Salma menerima sejumlah wang tunai sebanyak 30% daripada jumlah yang dilindungi untuk Manfaat Kanser Peringkat Awal. Dengan manfaat itu, beliau boleh mendapatkan rawatan kanser dan menjalani proses pemulihan. Hari ini, beliau amat bersyukur dapat menjalani gaya hidup yang lebih sihat sementara beliau terus dilindungi sehingga akhir tempoh sijil.




Nota: Senario di atas digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada ter



Mikael

Semasa berumur 25 tahun, Mikael menyertai pelan e-CancerCare Takaful dari Etiqa dengan tempoh perlindungan selama 20 tahun. Lima belas tahun kemudian, beliau telah didiagnosis menghidap kanser prostat peringkat akhir. Dengan pelan e-CancerCare Takaful, Mikael menerima sejumlah wang tunai sebanyak 150% daripada jumlah yang dilindungi untuk membantu meringankan beban kewangan.



Ringkasan perlindungan

Peringkat Kanser	Bayaran Tunai
Manfaat Kanser Peringkat Awal	30% daripada jumlah yang dilindungi untuk penyakit dibawah: a. Karsinoma in situ b. Kanser pundi awal c. Leukemia limfositik kronik awal d. Kanser prostat awal e. Kanser tiroid awal
Kanser Utama	a. 100% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar sepenuhnya sekiranya tiada tuntutan untuk Manfaat Kanser Peringkat Awal dibuat. b. 70% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar sekiranya Manfaat Kanser Peringkat Awal telah dituntut.
Kanser Peringkat Akhir	a. 150% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar sepenuhnya sekiranya tiada tuntutan untuk Manfaat Kanser Peringkat Awal dibuat. b. 120% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar sekiranya Manfaat Kanser Peringkat Awal telah dituntut.

Nota: Sila rujuk pada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai definisi kanser, terma-terma dan syarat-syarat.

Etiqa Online 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



Diunderait oleh:

Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam
2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888 **F** +603 2297 3800